



## DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK

### ATURAN URUSAN MESYUARAT

PERSIDANGAN HARI KELIMA  
MESYUARAT PERTAMA BAGI PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK KELAPAN BELAS  
RABU, 17 MEI 2017 (20 SYAABAN 1438H)  
JAM 9.00 PAGI

1. Bacaan Doa oleh Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sarawak
2. Pemasyhuran oleh Tuan Speaker
3. Pertanyaan-Pertanyaan Bagi Jawapan-Jawapan Lisan

**YB DATO' HAJI IDRIS BIN HAJI BUANG (N.16 MUARA TUANG)**

**245. Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan:**

- (a) Bagaimanakah prestasi dan manfaat yang dijanakan oleh perkhidmatan Institute Jantung Negara (IJN) Samarahan sejak ia beroperasi hingga kini?
- (b) Apakah Kerajaan mempunyai perancangan ke arah pembesaran dan peningkatan kapasiti serta prestasinya?

**YB DATO' SEBASTIAN TING CHIEW YEW (N.73 PIASAU)**

**246. To ask the Minister for Housing and Urbanisation:**

- (a) Miri has the highest number of squatters in Sarawak, estimated to be 3,700 families. What are the plans to resettle them?
- (b) What are the plans to build more affordable houses for low and middle income groups for Miri?

**YB ENCIK GERALD RENTAP JABU (N.36 LAYAR)**

**247. Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian dan Ekonomi Luar Bandar:**

- (a) Apakah status terkini pembangunan *Food Basket* untuk Sarikei, Bintangor dan Betong?
- (b) Senaraikan rumah panjang atau kawasan yang telah dikenal pasti serta terlibat dalam aktiviti-aktiviti projek tersebut?

**YB DATO' SRI HUANG TIONG SII (N.45 REPOK)**

**248. Bertanya kepada Menteri Belia, Sukan dan Solidariti:**

Apakah usaha Kerajaan untuk menyelesaikan masalah kemudahan yang terdapat di Kolam Renang dan di Dewan Suarah Sarikei untuk jangka masa panjang?

**YB ENCIK MOHD. CHEE BIN KADIR (N.40 KABONG)**

**249. Bertanya kepada Menteri Kemudahan Awam:**

Apakah perancangan Kerajaan untuk menyambung paip dan membekalkan air bersih ke kawasan rumah panjang di Ulu Roban khususnya Rumah Belayong, Rumah Chaong, Rumah Empaling dan Rumah Entengan?

**YB ENCIK RIPIN BIN LAMAT (N.72 LAMBIR)**

**250. Bertanya kepada Menteri Pembangunan Perindustrian Dan Keusahawanan, Perdagangan dan Pelaburan:**

Adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk mewujudkan Pusat Inkubator Usahawan di luar bandar terutama dalam DUN Lambir?

**YB ENCIK ALI ANAK BIJU (N.39 KRIAN)**

**251. Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian dan Ekonomi Luar Bandar:**

Apakah rancangan jangka panjang Kerajaan untuk mengaktifkan atau menstruktur semula semua stesen pertanian di Negeri Sarawak?

**YB ENCIK JOHNICHAL RAYONG ANAK NGIPA (N.33 ENKKILILI)**

**252. Bertanya kepada Menteri Perancangan Sumber dan Alam Sekitar:**

Berapakah jumlah hektar tanah *Native Customary Rights* (NCR) yang telah disukat dalam program *perimeter survey* di DUN Engkilili?

**YB PUAN VIOLET YONG WUI WUI (N.10 PENDING)**

**253. To ask the Minister for Public Utilities:**

How would the State Government ensure that the radiation emitted from the antenna affixed unto Sacofa's monopolies are health hazard free and would not cause cancers to those residents and school students who have long term close proximity with them?

**YB TUAN HAJI RAZAILI BIN HAJI GAPOR (N.29 BETING MARO)**

**254. Bertanya kepada Menteri Kebajikan, Wanita dan Kesejahteraan Komuniti:**

Bagi kawasan DUN Beting Maro:

- (a) Berapakah bilangan mereka yang berdaftar dengan e-kasih tetapi belum menerima bantuan?
- (b) Apakah status pelaksanaan Projek 1AZAM dan Projek Bantuan Rumah/Pembaikan Rumah?
- (b) Berapakah bilangan mereka yang telah berjaya keluar dari kemiskinan tegar?

**YB IR AIDEL BIN LARIWOO (N.24 SADONG JAYA)**

**255. Bertanya kepada Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan, Perdagangan dan Pelaburan:**

- (a) Berapakah jumlah pelaburan *Foreign Direct Investment* (FDI) yang telah masuk ke Negeri Sarawak setakat ini?
- (b) Apakah usaha Kerajaan untuk menarik pelabur-pelabur ke *industrial estate* yang telah dibangunkan di Sarawak?

**YB ENCIK SAFIEE BIN AHMAD (N.43 DARO)**

**256. Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian dan Ekonomi Luar Bandar:**

- (a) Berapakah keluasan tanah NCR di DUN Daro yang telah dibangunkan dengan perladangan kelapa sawit melalui konsep usahasama yang telah dikendalikan oleh pihak LCDA?
- (b) Berapakan jumlah peserta yang terlibat?

**YB ENCIK DENNIS NGAU (N.77 TELANG USAN)**

**257. Bertanya kepada Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan:**

Kementerian telah mengumumkan akan menggandakan usaha dan tumpuan kepada aktiviti pelancongan di luar bandar Sarawak - *Physical and human participation*. Apakah pelan tindakan konkrit untuk merealisasikan janji ini? Nyatakan di mana inisiatif ini telah berjaya.

**YB ENCIK PAULUS PALU GUMBANG (N.80 BATU DANAU)**

**258. Bertanya kepada Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan:**

Apakah status pembinaan jalanraya di Mentawai?

**YB ENCIK CHUKPAI UGON (N.66 MURUM)**

**259. Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan:**

- (a) Bilakah klinik desa bagi kawasan Long Urun akan dibina?
- (b) Apakah perancangan Kerajaan bagi menampung keperluan yang semakin meningkat berikutan dengan penambahan penduduk di BRS Sungai Asap untuk:
  - (i) naik taraf Klinik Kesihatan Sungai Asap atau
  - (ii) pembinaan Hospital Sungai Asap/Poliklinik?

**YB ENCIK ABDUL YAKUB BIN HAJI ARBI (N.58 BALINGIAN)**

**260. Bertanya kepada Menteri Kemudahan Awam:**

Apakah perancangan Kerajaan untuk meningkatkan kelajuan Internet dan juga liputan telekomunikasi di DUN Balingian?

**YB DATUK MONG ANAK DAGANG (N.31 BUKIT BEGUNAN)**

**261. To ask the Minister for Modernisation of Agriculture and Rural Economy:**

- (a) What is the total number of applications received and approved under the Malaysian Palm Oil Board's Small Holders Oil Palm Scheme for the whole state in the last two (2) years?
- (b) Please state the total acreage and cost involved.

**YB DATUK DING KUONG HIING (N.46 MERADONG)**

**262. To ask the Minister for Local Government:**

Are there any plans to upgrade the infrastructure especially the problem of acute parking shortage and other relevant facilities at Klinik Kesihatan Bintangor?

**YB ENCIK JEFFERSON JAMIT ANAK UNYAT (N.63 BUKIT GORAM)**

**263. Bertanya kepada Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan:**

Kapit mempunyai banyak tempat tarikan pelancongan. Apakah perancangan Kerajaan untuk mewujudkan Pejabat Lembaga Pelancongan Sarawak (STB) di Kapit?

**YB IR LO KHERE CHIANG (N.13 BATU KITANG)**

**264. To ask the Minister for Public Utilities:**

When will the constructions of pipelines along Jalan Batu Kitang be completed?

**YB ENCIK MOHAMMAD RAZI BIN SITAM (N.35 SARIBAS)**

**265. Bertanya kepada Ketua Menteri:**

- (a) Apakah usaha Kerajaan untuk meningkatkan penglibatan anak Sarawak dalam sektor minyak dan gas di Negeri ini?
- (b) Apakah Kerajaan akan menubuhkan sebuah Syarikat Petroleum milik Kerajaan Negeri sendiri?

**YB ENCIK JOHN ANAK ILUS (N.23 BUKIT SEMUJA)**

**266. Bertanya kepada Menteri Belia, Sukan dan Solidariti:**

Adakah Kerajaan bercadang mengangkat mana-mana sekolah untuk dijadikan pusat bagi satu-satu jenis sukan mengikut keutamaan atau jenis sukan yang popular mengikut sesuatu tempat dan sukan apakah yang akan dijadikan tumpuan?

**YB ENCIK CHONG CHIENG JEN (N.12 KOTA SENTOSA)**

**267. To ask the Minister for Resource Planning and Environment:**

- (a) State the total acreage of land included in the Sama Jaya Free Industrial Zone which has now been reclassified for housing or commercial development.
- (b) List down the new owners of such land and the respective premium payable thereon and reason for such classification.

**YB ENCIK ROLLAND DUAT ANAK JUBIN (N.48 MELUAN)**

**268. Bertanya kepada Menteri Kemudahan Awam:**

Berapakah peruntukan bagi program Sarawak Alternative Water Supply (SAWAS) dan Sarawak Alternative Electrification Scheme (SARES) untuk menyelesaikan masalah berkenaan bagi DUN Meluan?

**YB PUAN HAJAH SIMOI BINTI HAJI PERI (N.28 LINGGA)**

**269. Bertanya kepada Ketua Menteri:**

Apakah usaha Kerajaan untuk menubuhkan Kolej Komuniti di kawasan DUN Lingga bagi memenuhi keperluan generasi yang memerlukan pelbagai kemahiran?

**YB ENCIK FAZZRUDIN BIN HAJI ABDUL RAHMAN (N.6 TUPONG)**

**270. Bertanya kepada Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan:**

Apakah perancangan dan komitmen Kerajaan dari segi:

- (a) penambahbaikan/pembesaran jalan Matang?
- (b) penyediaan tapak/pembinaan untuk Balai Bomba, Balai Polis dan klinik-klinik kesihatan?

**YB DATO RANUM ANAK MINA (N.1 OPAR)**

**271. Bertanya kepada Menteri Perumahan dan Urbanisasi:**

Apakah perancangan Kerajaan untuk Program Perumahan Mesra Rakyat di daerah Lundu?

**YB IR CHRISTOPHER GIRA ANAK SAMBANG (N.59 TAMIN)**

**272. Bertanya kepada Menteri Perumahan dan Urbanisasi:**

Berapakah jumlah penduduk rumah panjang yang telah mendapat kelulusan pinjaman perumahan, khususnya mereka yang terjejas oleh pembinaan Projek Lebuhraya Pan Borneo di DUN Tamin?

**YB ENCIK YUSSIBNOSH BALO (N.57 TELLIAN)**

**273. Bertanya kepada Menteri Kemudahan Awam:**

Apakah status terkini projek bekalan air di kawasan Mukah?

**YB DR HAJI HAZLAND BIN ABANG HIPNI (N.5 DEMAK LAUT)**

**274. To ask the Minister for Modernisation of Agriculture and Rural Economy:**

What is our stand on European Parliament's decision to phase out palm oil-based biofuels by 2020 as stipulated in the Certified Sustainable Palm Oil Scheme for Europe-bound palm and other vege oil exports?

**YB ENCIK BARU BIAN (N.81 BA'KELALAN)**

**275. To ask the Chief Minister:**

- (a) How many Sarawakians are currently:
  - (i) heading divisions/departments in the Ministry of Education in Sarawak, Sabah and the various states in Malaya?
  - (ii) principals (*pengetua*) and headmasters (*guru besar*) of schools in Sarawak, Sabah and in Malaya?
- (b) What percentage do they constitute?

**YB ENCIK DAVID WONG KEE WOAN (N.54 PELAWAN)**

**276. To ask the Chief Minister:**

On 31 political secretaries to the Chief Minister:

- (a) How much will the Government incur for their engagement each year?
- (b) What are their functions and responsibilities?
- (c) Please list their perks and entitlement for the knowledge of all Sarawakians.

**YB DATUK AMBROSE BLIKAU ANAK ENTURAN (N.62 KATIBAS)**

**277. To ask the Minister for Public Utilities:**

When would the proposal to study treated water to longhouses and schools along Song/Temalat Road and Song/Takan Road to Nangat Banjor commence?

**YB ENCIK AWLA BIN DRIS (N.25 SIMUNJAN)**

**278. Bertanya kepada Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan:**

Bilakah Kerajaan akan membina *coastal road* yang dapat menghubungkan pekan Simunjan ke Jambatan Batang Sadong?

**YB DATUK TIONG THAI KING (N.52 DUDONG)**

**279. To ask the Minister for Welfare, Women and Community Wellbeing:**

Does the Government have any fund to assist single mothers and orphans who are facing problems with the increasing cost of living?

**YB DATO' MURSHID DIRAJA DR JUANDA JAYA (N.44 JEMORENG)**

**280. Bertanya kepada Ketua Menteri**

- (a) Berapakah nisbah pekerja anak Sarawak berbanding pekerja asing dan bukan anak Sarawak di ladang-ladang sawit di kawasan DUN Jemoreng?
- (b) Apakah kategori pekerjaan mereka?

**YB ENCIK MARTIN BEN (N.22 KEDUP)**

**281. Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian dan Ekonomi Luar Bandar:**

- (a) Berapakah jumlah pemohon bantuan dari masyarakat Perkebun Kecil Kelapa Sawit di Daerah Serian dan Tebedu dari 2012-2016?
- (b) Nyatakan berapa jumlah permohonan yang telah dilulus dan diberikan bantuan bagi kedua-dua daerah?

**YB ENCIK ALLAN SIDEN GRAMONG (N.50 MACHAN)**

**282. To ask the Minister for Housing and Urbanisation:**

Is there any plans to build more low cost and affordable houses in Kanowit?

**YB ENCIK WILSON NYABONG ANAK IJANG (N.61 PELAGUS)**

**283. Bertanya kepada Ketua Menteri:**

- (a) Berapa banyakkah Sekolah taska yang diperkenalkan oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) di Sarawak?
- (b) Berapakah peratusan guru-guru tempatan dan guru-guru Semenanjung di Sarawak?

**YB DATO HENRY HARRY JINEP (N.2 TASIK BIRU)**

**284. To ask the Minister for Public Utilities:**

Some house owners in DUN Tasik Biru are receiving utility bills sporadically, sometimes only once or twice a year, resulting in them having to pay a huge amount for the accumulated charges.

- (a) What are the reasons for such delay?
- (b) What could be done to assist house owners who are burdened with such bills?

**YB ENCIK MIRO ANAK SIMUH (N.18 SEREMBU)**

**285. Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan:**

Adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk membina lebih banyak pusat perniagaan, seperti gerai-gerai bumiputera di kawasan luar bandar bagi menggalakan penglibatan golongan ini dalam bidang keusahawanan dan pertumbuhan ekonomi setempat?

**YB ENCIK ALEXANDER ANAK VINCENT (N.49 NGEMAH)**

**286. To ask the Minister for Infrastructure Development and Transportation:**

What is the current status on the road construction from Nanga Ngungun to Nanga Jagau RASCOM Resettlement Scheme until Ulu Simujan area in DUN Ngemah?

**YB DATUK AMAR HAJAH JAMILAH HAJI ANU (N.3 TANJUNG DATU)**

**287. Bertanya kepada Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan, Perdagangan dan Pelaburan:**

Apakah butiran terperinci perancangan pembangunan untuk Taman Perindustrian Lundu yang telah dibuat baru-baru ini dari segi peruntukan, komponen serta tempoh pelaksanaannya?

**YB ENCIK MAJANG ANAK RENGGI (N.70 SAMALAJU)**

**288. Bertanya kepada Menteri Perumahan dan Urbanisasi:**

Bilakah cadangan pembinaan pangsapuri mampu milik di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) di kawasan penempatan semula Tanjung Kidurong dimulakan?

**YB TUAN HAJI RAZAILI BIN HAJI GAPOR (N.29 BETING MARO)**

**289. Bertanya kepada Menteri Kemudahan Awam:**

- (a) Apakah perkembangan Projek Naiktaraf Bekalan Air Bersih Pusa/Beladin?
- (b) Adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk mengganti paip uzur ke rumah-rumah DUN Beting Maro?
- (c) Apakah status cadangan membekal air bersih ke:
  - (i) Rumah Panjang Blok Kelili;
  - (ii) Rumah Blok Duat; dan
  - (iii) Kampung Batang Mar?

**YB DATO' SRI HUANG TIONG SII (N.45 REPOK)**

**290. Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian dan Ekonomi Luar Bandar:**

- (a) Apakah status pelaksanaan projek untuk jalan kebun dan jalan ladang bagi para petani di DUN Repok?
- (b) Berapa ramai pemohon dari DUN Repok yang telah mendapat kelulusan projek tersebut?

**YB ENCIK MOHD. CHEE BIN KADIR (N.40 KABONG)**

**291. Bertanya kepada Ketua Menteri:**

Apakah status terkini projek pembinaan SK Abang Leman, Kabong yang telah mendapat kelulusan beberapa tahun yang lalu?

**YB ENCIK SAFIEE BIN AHMAD (N.43 DARO)**

**292. Bertanya Kepada Ketua Menteri:**

Apakah perancangan Kerajaan untuk membina bangunan Ibu Pejabat Polis Daerah Matu Daro yang baharu kerana bangunan yang sedia ada agak usang dan sesak?

**YB ENCIK PAULUS PALU GUMBANG (N.80 BATU DANAU)**

**293. Bertanya kepada Menteri Kemudahan Awam:**

Apakah perancangan Kerajaan untuk membina "High-level Water Tank" bagi menyelesaikan masalah bekalan tekanan air yang rendah di kawasan Pandaruan? Bilakah ia dijangka bermula?

**YB DATO' MURSHID DIRAJA DR JUANDA JAYA (N.44 JEMORENG)**

**294. Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian dan Ekonomi Luar Bandar:**

Kadar dividen peserta Felcra dan Ladang Rakyat di DUN Jemoreng saban tahun semakin berkurangan dan menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan peserta skim. Apakah usaha pihak Kerajaan untuk menangani masalah ini?

**YB ENCIK CHUKPAI UGON (N.66 MURUM)**

**295. Bertanya kepada Ketua Menteri:**

- (a) Adakah Kerajaan telah menjalankan kajian mengenai tahap kualiti air dari takungan HEP Murum dan kajian R&D tentang potensi yang dapat dibangunkan di Tasik Murum dan kawasan sekitarnya?
- (b) Apakah perancangan Kerajaan bagi membangunkan tasik ini bagi kaum yang dipindahkan?

**YB ENCIK SEE CHEE HOW (N.11 BATU LINTANG)**

**296. To ask the Chief Minister:**

What are the total numbers of fully paid delegates (Sarawakians, other Malaysians and non-Malaysians respectively) that have registered and attended the International ICT Infrastructure and Digital Economy Conference Sarawak (*IDECS*) 2017 and how was it funded?

**YB ENCIK MOHAMMAD RAZI BIN SITAM (N.35 SARIBAS)**

**297. Bertanya kepada Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan:**

Bilakah Kerajaan akan menaik taraf dan membaik pulih Jalan Betong-Tanjung Assam yang rosak teruk akibat laluan lori pengangkut sawit?

**YB DATO' SEBASTIAN TING CHIEW YEW (N.73 PIASAU)**

**298. To ask the Chief Minister:**

Because of Miri's proximity to Brunei and its big population of over one million in the northern zone, does the Government intend to build data centre(s) in Miri to cater for and in preparation for the transformation of Sarawak's future business expansion through digital economy?

**YB ENCIK GERALD RENTAP JABU (N.36 LAYAR)**

**299. Bertanya kepada Ketua Menteri:**

Apakah tindakan yang telah diambil bagi mengatasi masalah perjudian haram bagi DUN Layar untuk tahun 2017?

**YB DATO' HAJI IDRIS BIN HAJI BUANG (N.16 MUARA TUANG)**

**300. Bertanya kepada Ketua Menteri:**

Apakah sebenarnya tujuan dan rasional Kerajaan untuk melaksanakan pembinaan sistem *Light Rail Transit* (LRT) yang turut melibatkan DUN Muara Tuang dan apakah impak besar yang akan dijanakan?

**YB ENCIK RIPIN BIN LAMAT (N.72 LAMBIR)**

**301. Bertanya kepada Menteri Permodenan Pertanian dan Ekonomi Luar Bandar:**

Apakah skim-skim bantuan usahawan tani yang ada sekarang dan berapa ramaikah usahawan tani di DUN Lambir yang mendapat faedah dari skim-skim tersebut?

**YB IR AIDEL BIN LARIWOO (N.24 SADONG JAYA)**

**302. Bertanya kepada Ketua Menteri:**

Apakah langkah Kerajaan untuk menangani sekolah-sekolah daif di kawasan Luar Bandar Sarawak?

**YB ENCIK FAZZRUDIN BIN HAJI ABDUL RAHMAN (N.6 TUPONG)**

**303. Bertanya kepada Ketua Menteri:**

- (a) Apakah perancangan Kerajaan untuk mewujudkan satu badan atau organisasi yang akan bertanggungjawab untuk penyelidikan dan pembangunan atau *Research and Development* (R&D) bagi memanfaatkan hasil semula jadi yang sedia ada?
- (b) Berapakah peruntukan yang akan Kerajaan berikan kepada badan atau organisasi ini?

**YB ENCIK DENNIS NGAU (N.77 TELANG USAN)**

**304. To ask the Minister for Public Utilities:**

Please state the name of longhouses in DUN Telang Usan where Sarawak Rural Electricity Supply (SARES) project (Hybrid Solar) has been and will be implemented for the following years:

- (a) 2016;
- (b) 2017;
- (c) 2018;
- (d) 2019; and
- (e) 2020.

**YB ENCIK ABDUL YAKUB BIN HAJI ARBI (N.58 BALINGIAN)**

**305. Bertanya kepada Ketua Menteri:**

Apakah perancangan Kerajaan untuk menaik taraf bekalan elektrik di Sekolah Kebangsaan Kuala Balingian, Sekolah Kebangsaan Badengan, Sekolah Kebangsaan Sungai Bayan dan Sekolah Kebangsaan Sungai Liuk yang masih menggunakan generator?

**YB ENCIK CHONG CHIENG JEN (N.12 KOTA SENTOSA)**

**306. To ask the Chief Minister:**

State the status of the negotiation between the State Government and Federal Government on the State's demand for 20% Oil and Gas Royalties and explain the non-result of such demand since the Motion was passed in June 2014 in this august House.

**YB DATUK AMBROSE BLIKAU ANAK ENTURAN (N.62 KATIBAS)**

**307. To ask the Minister for Public Utilities:**

When would the implementation of Rural Electrification Scheme (Grid) to the following areas begin:

- (a) Along Song/Kapit Road to 3 longhouses at Ulu Sungai Lajan (Rumah Buni, Rumah Semigat and Rumah Saing); and
- (b) To longhouses and a primary school at Nangat Embuaw (Rumah Kulleh, Rumah Tanang) and Sekolah Rendah Kebangsaan Nanga Embuaw?

**YB ENCIK AWLA BIN DRIS (N.25 SIMUNJAN)**

**308. Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan:**

Adakah Kerajaan bercadang untuk menambah pembinaan 700 meter lagi projek Penahan Hakisan di tebingan Batang Sadong bagi melindungi pekan Simunjan daripada kejadian hakisan tanah tebingan sungai?

**YB DATUK TIONG THAI KING (N.52 DUDONG)**

**309. To ask the Minister for Youth, Sports and Solidarity:**

Does the Government have any plan to build a Sports Stadium to accommodate sports activities in Sibujaya which has a population of over 30,000?

**YB ENCIK JOHNICHAL RAYONG ANAK NGIPA (N.33 ENKILILI)**

**310. Bertanya kepada Menteri Perancangan Sumber dan Alam Sekitar:**

Berapakah jumlah pampasan yang akan dan sudah dibayar kepada rakyat yang terjejas dalam Projek Pan Borneo di DUN Engkilili?

**YB ENCIK ALLAN SIDEN GRAMONG (N.50 MACHAN)**

**311. To ask the Minister for Local Government:**

Will the Government allocate sufficient fund to improve the drainage system at Kampung Muhibbah in Kanowit?

**YB ENCIK ALEXANDER ANAK VINCENT (N.49 NGEMAH)**

**312. Bertanya kepada Menteri Perancangan Sumber dan Alam Sekitar:**

What are the steps taken by the Government to expedite the process of giving NCR Land Titles that have been gazetted to the landowners after the Perimeter Survey has been done?

**YB DATUK AMAR HAJAH JAMILAH HAJI ANU (N.3 TANJUNG DATU)**

**313. Bertanya kepada Ketua Menteri:**

- (a) Sejauh manakah usaha Kerajaan untuk menyekat operasi kedai simulator mesin judi yang berselindung melalui pendaftaran kelab rekreasi?
- (b) Apakah langkah drastik Kerajaan untuk menyekat operasi kedai mesin judi di kawasan luar bandar?

**YB ENCIK MAJANG ANAK RENGGI (N.70 SAMALAJU)**

**314. Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan:**

Adakah Kerajaan bercadang memasang lampu jalan dari Kampung Kuala Nyalau sehingga Kampung Hulu Nyalau?

**YB ENCIK SAFIEE BIN AHMAD (N.43 DARO)**

**315. Bertanya kepada Menteri Permodenan Pertanian dan Ekonomi Luar Bandar:**

Apakah projek pertanian yang telah diluluskan dan akan dilaksanakan dalam RMK-11 di DUN Daro?

**YB ENCIK PAULUS PALU GUMBANG (N.80 BATU DANAU)**

**316. Bertanya kepada Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan:**

Apakah status pelaksanaan projek membina/menaik taraf Jalan Kuala Medalam/Kampung Meruyu dan Kampung Kerangan Ma di bawah program 'Jiwa Murni' dan bilakah ia dijangka siap sepenuhnya?

**YB ENCIK ALI ANAK BIJU (N.39 KRIAN)**

**317. Bertanya kepada Ketua Menteri:**

- (a) Berapakah jumlah peruntukan untuk membaik pulih sekolah rendah dan sekolah menengah di DUN Krian 3 tahun lepas dan berapakah peruntukan untuk 2017?
- (b) Adakah Kerajaan mempunyai rancangan jangka panjang untuk menaik taraf sekolah rendah di DUN Krian?

**YB DATO' MURSHID DIRAJA DR JUANDA JAYA (N.44 JEMORENG)**

**318. Bertanya kepada Ketua Menteri:**

Jenayah sosial yang berlaku di kawasan luar bandar seperti dadah, pill khayal, sumbang mahram, rogol dan sebagainya semakin meningkat. Namun bilangan penempatan pegawai Kerajaan dan Polis adalah amat rendah. Apakah tindakan pencegahan oleh Kerajaan bagi menangani masalah-masalah tersebut?

**YB DATO' HAJI IDRIS BIN HAJI BUANG (N.16 MUARA TUANG)**

**319. Bertanya kepada Menteri Kemudahan Awam:**

Apakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk menukarkan kesemua rangkaian batang-batang paip yang sudah terlalu uzur dan lama dan sering pecah di bahagian Samarahan dan Serian termasuk DUN Muara Tuang?

**YB ENCIK AWLA BIN DRIS (N.25 SIMUNJAN)**

**320. Bertanya kepada Ketua Menteri:**

Apakah perancangan Kerajaan untuk mewujudkan pusat-pusat kemahiran seperti Giat Mara, Pusat Kemahiran Wanita dan sebagainya memandangkan DUN Simunjan masih kekurangan dalam bidang kemahiran?

**YB ENCIK RIPIN BIN LAMAT (N.72 LAMBIR)**

**321. Bertanya kepada Menteri Permodenan Pertanian dan Ekonomi Luar Bandar:**

Berapakah jumlah penerima, kuantiti dan nilai skim bantuan anak benih kelapa sawit dari tahun 2011 hingga 2017 di DUN Lambir?

**YB DATUK TIONG THAI KING (N.52 DUDONG)**

**322. To ask the Minister for Modernisation of Agriculture and Rural Economy:**

Does the Government have any plan to set up a Government veterinary clinic in Sibu as veterinary care in private clinics is very costly?

**YB DATUK AMAR HAJAH JAMILAH HAJI ANU (N.3 TANJUNG DATU)**

**323. Bertanya kepada Menteri Kemudahan Awam:**

Apakah perancangan strategik jangka panjang serta pelan tindakan jangka pendek untuk meningkatkan kemudahan jalur lebar serta meningkatkan kelajuan *Internet* di DUN Tanjung Datu memandangkan kawasan ini mempunyai potensi yang amat besar sebagai destinasi eko pelancongan?

**4. Sambungan Perbahasan Usul Penghargaan Atas Ucapan TYT Yang di-Pertua Negeri Sarawak**

**5. Penangguhan Mesyuarat**